

Pendahuluan

Siasatan jenayah di Singapura dikendalikan oleh pihak polis dan pelbagai agensi-agensi penguatkuasa undang-undang lain. Risalah ini menyediakan beberapa maklumat asas supaya anda tahu apa yang perlu dibuat sekiranya anda diminta untuk membantu siasatan polis atau agensi penguatkuasa yang lain, contohnya, Biro Narkotik Pusat (CNB), Biro Siasatan Amalan Rasuah (CPIB), dsb. ("Polis").

Siasatan

- Polis berhak untuk bertanyakan nama dan alamat rumah anda. Polis boleh juga menyayal sesiapa sahaja apabila menjalankan siasatan jenayah. Anda boleh ditahan sekiranya anda tidak memberikan maklumat ini kepada pihak polis.
- Anda mungkin diminta untuk membuat kenyataan kepada pihak Polis, sama ada anda sudah atau belum ditahan
- Ketika membuat kenyataan, anda harus memerhatikan perkara yang berikut:
 - Kenyataan anda biasanya akan ditulis dalam bahasa Inggeris. Bagaimanapun, anda akan ditemubual dalam bahasa yang anda faham. Sekiranya anda memerlukan seorang jurubahasa, anda perlu memaklumkan perkara ini kepada pihak polis dengan segera dan seorang jurubahasa akan diaturkan.
 - Anda dikehendaki bercakap benar, tetapi anda tidak perlu menyatakan apa-apa yang boleh mendedahkan diri anda kepada dakwaan jenayah.
 - Sekiranya anda mempunyai pertahanan perundangan atau sebarang penjelasan untuk diberikan, anda harus memberitahu pihak Polis dan pastikan ini tertera di dalam kenyataan anda. Jika anda tunggu sehingga hari perbicaraan untuk mengemukakannya buat pertama kali, hakim mungkin tidak akan mempercayai anda.



- Baca kenyataan dengan teliti sebelum menandatangannya. Pastikan ia tepat dan lengkap.
- Anda boleh membuat perubahan kepada kenyataan anda sebelum dan menandatangannya.
- Jika anda tidak faham apa yang tertulis dalam kenyataan anda, anda boleh meminta pencatat atau jurubahasa untuk menerangkannya kepada anda.
- Jika anda telah ditangkap, ditahan atau didakwa, anda boleh melakukan yang berikut:
 - Minta kebenaran untuk menghubungi keluarga atau peguam anda.
 - Minta untuk menerima lawatan daripada keluarga atau peguam anda.
 - Minta untuk mendapatkan nasihat seorang peguam pilihan anda.
 - Bagaimanapun, permintaan-permintaan ini boleh ditolak sekiranya pihak Polis berpendapat bahawa ia akan mengganggu siasatan mereka.
- Semasa anda berada di balai polis, anda juga boleh:
 - Meminta makan, minum dan menggunakan tandas;
 - Memberitahu pihak polis dan/atau meminta untuk berjumpa doktor jika anda berasa kurang sihat pada bila-bila masa.

Dakwaan

- Sebelum anda didakwa dengan sebarang kesalahan, anda mungkin akan diminta untuk memberikan kenyataan yang digelar "kenyataan beraramar".
 - Pihak Polis akan membacakan kepada anda dakwaan yang anda akan menghadapi.
- Anda akan dimaklumkan bahawa sekiranya anda ingin mengemukakan sebarang fakta atau perkara dalam pembelaan anda, anda perlu menyatakan seawal mungkin supaya ia dapat dicatatkan dalam kenyataan beraramar anda. Sebaliknya, jika ia hanya dikemukakan buat pertama kali di mahkamah, hakim mungkin tidak akan mempercayai anda.
- Apa sahaja yang ingin anda katakan akan dicatatkan, dibacakan semula kepada anda dalam bahasa yang anda faham, dan ditandatangani oleh anda.
- Anda boleh membuat perubahan kepada kenyataan anda sebelum anda menandatangannya.
- Jika anda tidak faham dengan apa yang tertulis dalam kenyataan anda, anda boleh meminta pencatat atau jurubahasa untuk menerangkannya kepada anda.
- Satu salinan dakwaan dan kenyataan beraramar akan diberikan kepada anda.
- Jika anda berasa yang anda telah dilayan dengan buruk atau diancam sepanjang penyiasatan, atau jika mana-mana pegawai telah berjanji kepada anda berkaitan dengan dakwaan atau hukuman, anda harus membuat laporan kepada seorang pegawai yang lain secepat mungkin atau memberitahu hakim atau peguam anda secepat mungkin.

Memeriksa diri anda, barang milik anda, dan rumah anda

- Apabila anda ditangkap, Polis berhak untuk memeriksa:
 - Anda dan barang milik anda;
 - Mana-mana tempat pihak Polis percaya mungkin terdapatnya bahan bukti (contohnya, di rumah, kenderaan, komputer, telefon bimbit, dsb.).
- Jika anda seorang wanita, hanya seorang pegawai wanita boleh memeriksa diri anda, kecuali sekiranya anda disyaki seorang pengganas.

- Berhasilan daripada pemeriksaan yang dikendalikan, pihak Polis boleh merampas sebarang bahan sebagai bukti, dan sekeping slip pengakuan akan diberikan kepada anda. Di penghujung kes, mahkamah akan memutuskan apa yang harus dilakukan dengan barang yang telah dirampas - contohnya, sama ada untuk dikembalikan barang tersebut kepada anda atau dilupuskan sahaja.

Pendakwaan / Penampilan di Mahkamah

- Dalam masa 48 jam setelah anda ditangkap, pihak Polis mesti sama ada membawa anda ke mahkamah atau melepaskan anda, sama ada dengan jaminan atau secara tidak bersyarat.
- Apabila anda pergi ke mahkamah, pendakwa boleh memohon untuk menahan anda melebihi 48 jam dari masa anda ditangkap. Namun demikian, pendakwa mesti memberikan mahkamah sebab-sebab mengapa Polis perlu menahan anda lebih lanjut. Anda boleh membantah permintaan ini dan meminta mahkamah untuk menjelaskan mengapa anda perlu dithakan lebih lama. Mahkamah akan memutuskan sama ada anda akan dithakan lebih lanjut.
- Anda juga boleh meminta kebenaran daripada mahkamah untuk menghubungi keluarga anda dan untuk peluang bercakap dengan atau melantik seorang peguam.

Bantuan Guaman

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut atau jika anda ingin memohon untuk menerima bantuan guaman di bawah Skim Bantuan Guaman Jenayah (CLAS) dan tidak mampu untuk melantik peguam anda sendiri, sila hubungi atau kunjungi Pejabat Perkhidmatan Pro Bono dengan membawa bersama anda salinan dokumen dakwaan dan kenyataan CPF anda yang menunjukkan sejarah caruman anda sepanjang 12 bulan yang lalu.

Skim Bantuan Guaman Jenayah

1 Havelock Square
State Courts Towers, B1-18
Singapore 059724
Tel: 6534 1564 / Faks: 6534 5237
Emel: clas@lawsocprobono.org
Waktu Beroperasi: Isnin - Jumaat, 9pg - 5.45ptg

Penafian

Maklumat yang terkandung di sini hanya mewakili maklumat umum dan asas mengenai undang-undang sehingga tarikh Mac 2019.

Maklumat yang terkandung di sini disediakan sebagai perkhidmatan awam oleh Persatuan Guaman Singapura. Ia didapati daripada sumber-sumber yang boleh dipercayai dan tepat. Walau bagaimanapun, sama ada Persatuan atau para wakilnya tidak akan menerima sebarang tanggungjawab untuk kesilapan atau kelalaihan yang terkandung di sini. Para pembaca harus mendapatkan nasihat perundangan bebas.

Risalah ini diterbitkan oleh Jawatankuasa Amalan Jenayah daripada Persatuan Guaman Singapura

28 Maxwell Road #01-03 Maxwell Chambers Suites
Singapore 069120
Tel: 6538 2500 / Faks: 6533 5700
www.lawsociety.org.sg

Hakcipta 2019



Criminal Investigations

KNOW YOUR RIGHTS

